

17 JUN 1997

Keng Yaik-NGO

KENG YAIK KRITIK NGO GUNAKAN ISU ALAM SEKITAR

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Menteri Perusahaan Utama Datu Seri Dr Lim Keng Yaik hari membidas pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) kerana menggunakan isu-isu alam sekitar untuk menekan dan menggugat pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun.

"Saya sangat tidak puas hati dengan mereka kerana menggunakan isu-isu alam sekitar yang diselindungi dibalik isu-isu perdagangan dan kesihatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai kayu tropika yang dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini.

Beliau berkata NGOs ini telah berjaya menyusup masuk ke dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi mengenakan tekanan ke atas ahli-ahli politik di negara mereka.

"Dan mereka sedang cuba menyusup masuk ke dalam Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO)," katanya.

Dr Lim berkata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz telah memberi tentangan hebat kepada mereka ini di WTO dan beliau berharap Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek juga akan emmberi tentangan yang sama di ILO.

"Kita akan tentang mereka di semua forum," kata Dr Lim.

Katanya pendekatan baru NGOs ini mencerminkan perubahan sikap di kalangan negara-negara maju kerana mereka tidak lagi boleh bersaing dengan negara membangun.

Beliau berkata mereka bukan menggunakan dasar perlindungan domestik tetapi forum antarabangsa untuk mewujudkan dasar perlindungan yang mengeluarkan negara-negara membangun dari saingan sebelum mereka bermula lagi, dengan menggunakan isu-isu sosial, alam sekitar dan kesihatan bagi menghalang mereka dari membangun.

"Saya ingin bertanya kepada NGOs di negara ini seperti WWF, Tenaganita, Sahabat Alam, Persatuan Alam Semula Jadi dan yang lain mengenai pendirian mereka sama ada mereka sokong kita atau tidak," katanya.

"Adakah mereka berpihak kepada kita? Saya percaya penuh bahawa ini ialah satu komplot yang besar oleh NGOs antarabangsa sebagaimana yang ditunjukkan oleh surat mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan saya akan hentam mereka balik dalam jawapan saya bagi pihak beliau," katanya.

Katanya Malaysia berada pada kedudukan untuk membuat pendirian bagi pihak negara-negara ketiga dan inilah sebabnya mereka mahukan perjanjian perhutanan secara tradisi tetapi ditolak oleh NGOs dengan alasan ia bukannya perjanjian yang baik kerana dibuat secara tergesa-gesa dan hanya disokong oleh negara-negara pengeluar balak.

"Selepas itu mengapa pula mereka mahu satu konvensyen diadakan di Rio pada tahun 1992? Sekarang selepas lima tahun, kita ada satu perjanjian yang tidak terikat dari segi undang-undang mengenai perhutanan balak yang merangkumi pemuliharaan, pengurusan dan pembangunan berterusan semua hutan di dunia.

"Bila kita hendak mulakan ini semua? Mereka jugalah yang mahu sidang kemuncak Rio diadakan," katanya.

Dalam ucapannya sebelum itu, Dr Lim berkata kerajaan menyokong semua penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang wajar mengenai spesis balak pilihan yang mempunyai potensi komersial.

"Dalam hubungan ini Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

telah menjalankan R&D yang intensif dalam bidang ini dan banyak spesies yang telah diuji untuk sektor perladangan," katanya.

Dr Lim berkata antara spesies-spesies yang mungkin mempunyai potensi luas ialah kayu jati, sentang, acacia mangium dan hevea.

Katanya agensi-agensi kerajaan juga digalakkan menyertai pembungunan ladang hutan di atas tanah kosong atau terbiar atau bekas lombong secara bersendirian atau dengan usahasama sektor swasta.

Ushasama seperti akan dapat membantu mewujudkan rangkaian penyelidikan yang baik untuk spesies-spesies baru.

Beliau berkata jenis-jenis balak yang "cepat tumbuh" seperti meranti, jelutong, kapur, angsana dan sesenduk boleh disesuaikan dengan keadaan ladang untuk mengeluarkan bahan mentah untuk industri pemprosesan hiliran dan spesies-spesies baru ini boleh ditanam secara komersial bagi memenuhi pasaran serantau dan antarabangsa.

Katanya sehingga akhir tahun 1996 jumlah kawasan tanah perhutanan di Malaysia dianggarkan kira-kira 18.91 juta hektar atau 58 peratus dari jumlah kawasan tanah, dan dari jumlah itu sebanyak 14.28 juta hektar dijadikan sebagai kawasan hutan tetap.

"Bagaimanapun, dari 14.28 juta hektar ini, hanya 0.19 juta hektar atau 1.33 peratus dijadikan ladang hutan sehingga tempoh itu dan oleh itu jumlah kawasan hutan perlu ditambah kepada 65 peratus. -- BERNAMA

ZAB WAT